



Langkah Perpaduan Sunnah Nabawiyah Sebagai Nilai Tambah Kepada Agenda Perpaduan Negara

[Unity Measures In Sunnah Of Prophet PBUH As Additional Values For National Unity Agenda]

Muhammad Bin Sarom & Suriani Binti Sudi @ Yusoff^{1*}

¹ Al-Quran and Al-Sunnah Department, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Muhammad Bin Sarom. Al-Quran and Al-Sunnah Department, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. muhhammadbsarom@gmail.com, 013-2761217.

Keywords:

Sunnah; Unity Measures;
National Unity Agenda

ABSTRACT

A strong national unity has been a dream of every country, including Islamic countries. A good foundation of unity can ensure the stability and survivability of a country. At the same time, it can prevent it from being involved in crisis and prolong upheaval. The mission of Prophet PBUH in building the foundation of Muslims' unity during his time had managed to create an united community and country with incredible powers. Hence, this article will discuss the foundations of a successfully developed unity formed by Prophet PBUH since beginning from his da'wah. Prophet PBUH shaped his companions' souls to the construction of the Islamic State of Madinah. Therefore, this is a qualitative study using documents and literature analyses. The findings from this study will show the preliminary steps of a national unity shaped by Prophet PBUH, including the adaptation of Tawheed and spirituality up to the country's technicality management. The findings will also conclude that the Prophet's steps to national unity had solid foundations, were structured, and relevant to the progress of any country.

Kata Kunci:

Sunnah; Langkah
Perpaduan; Agenda
Perpaduan Negara

ABSTRAK

Perpaduan rakyat yang mantap didalam sesebuah negara merupakan hasrat bagi semua negara, termasuklah negara-negara Islam. Peletakan asas perpaduan yang baik boleh menjamin kestabilan dan kelangsungan sekaligus mampu mencegah sesebuah negara dari terjerumus ke kancan krisis pergolakan yang berpanjangan. Pengutusan Rasulullah SAW dalam membina asas perpaduan ummah pada zaman Baginda telah berjaya melahirkan masyarakat dan negara yang bersatu padu dan mempunyai kekuatan yang luar biasa. Oleh sebab itu, artikel ini akan membincangkan asas perpaduan yang berjaya dibangunkan iaitu bermula daripada dakwah Rasulullah SAW membentuk jiwa para sahabat sehingga ke tahap pembinaan Negara Islam Madinah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen dan kepustakaan. Dapatan kajian ini membawa kepada langkah-langkah awal perpaduan negara yang dibentuk oleh Rasulullah SAW termasuk penerapan unsur tauhid dan kerohanian sehingga kepada pengurusan teknikaliti negara. Hasil kajian ini menyimpulkan

bahawa kaedah perpaduan negara yang dibentuk oleh Rasulullah SAW merupakan kaedah yang mempunyai asas yang kukuh, tersusun dan sentiasa relevan dengan perkembangan mana-mana negara.

Received: November 15, 2021

Accepted: March 15, 2022

Online Published: June 30, 2022

1. Pendahuluan

Salah satu bentuk kesejahteraan yang dibawa Islam adalah nikmat perpaduan didalam negara. Perpaduan negara merupakan satu bentuk kesejahteraan dan rahmat yang besar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada semua hambanya. Hal ini kerana tanpa rahmat dan nikmat perpaduan, maka perpecahan yang akan mengambil tempat. Oleh sebab itu, matlamat utama pengutusan para Rasul ialah untuk menghapuskan perpecahan dan mengabadikan perpaduan dalam kalangan manusia. Rentetan usaha para nabi, khususnya Rasulullah SAW yang berjuang untuk menyampaikan rahmat perpaduan kepada seluruh alam, hasilnya dapat dilihat pada banyak tamadun dan negara pada hari ini serta nikmat perpaduan dapat dirasai oleh kebanyakan manusia. Perpaduan yang terbentuk dalam dunia ini terdiri daripada pelbagai agama, kaum, bangsa, etnik, kepercayaan dan warna kulit.

Konsep perpaduan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW didasari dengan tauhid kepada Allah SWT telah berjaya membentuk Negara Islam Madinah. Hal ini kerana, perpaduan merupakan antara aspek yang diutamakan oleh Baginda ketika membentuk kerajaan Islam di Madinah pada 622 – 623 Masihi. Perpaduan yang dibentuk oleh Baginda melibatkan golongan Muslim dengan Muslim dan golongan Muslim dengan bukan-Muslim. Dua kaedah yang dikenalpasti digunakan secara khusus oleh Rasulullah SAW ialah Kaedah *Ta'āwun* dan *Taḥalluf al-Siyāsī* (Mohamed, 2017). Manakala secara kerangka konseptualnya, perpaduan pada zaman Rasulullah SAW ini telah mengambil dua pendekatan penting, sepertimana yang dinyatakan oleh Abdul Hadi Awang mengenai perpaduan yang dianjurkan Islam. Pendekatan pertama merujuk kepada hubungan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat yang disimpulkan dengan pendekatan Islam yang menyeluruh kesempurnaannya, dan diikuti peranan manusia yang tidak memisahkan aspek kehidupan berpolitik, ekonomi dan kemasyarakatan. Tambahan pula, kedudukan Iman dalam ajaran Islam yang tidak terkongkong objektifnya terhadap penganut agama Islam, kelompok bangsa atau perbatasan negara sahaja, namun diwajibkan membina perhubungan dengan pihak lain, bermaksud menunaikan kewajipan dakwah berkonsepkan tiada paksaan dan hak kemanusiaan walaupun berbeza agama, bangsa dan kemampuannya. Manakala pendekatan kedua merujuk hubungan kemanusiaan yang berkeluarga besar walaupun berbagai bangsa, agama, tahap kedudukan dan kemampuannya (Awang, 2019).

Oleh sebab itu, artikel ini akan membincangkan beberapa kaedah Sunnah Nabawiyah yang telah dipelopori oleh Baginda dalam membina perpaduan ummah dan membina perpaduan negara. Hal ini wajar dikaji sebagai rujukan dan panduan kerana hanya dengan wahyu Allah SWT dan pedoman Sunnah Nabawiyah mampu menjadikan agenda perpaduan sesebuah negara itu berjaya.

2. Definisi Perpaduan Negara

Menurut Kamus Dewan, perkataan perpaduan berasal daripada perkataan akar 'padu' yang membawa maksud bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat, berunding dengan bersungguh-sungguh. Apabila perpaduan dibincangkan bersama konteks kepentingan dan pembangunan negara, pelbagai pandangan telah dibincangkan oleh para sarjana, baik diperingkat nasional dan antarabangsa. Jika diteliti maksud perpaduan negara menurut sarjana nasional, seperti Baharuddin (2007) menyatakan perpaduan negara adalah satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga tanah air. Perpaduan negara juga selalu diertikan dengan keselamatan dan keamanan serta menjadi salah satu asas kepada perkembangan sesebuah negara kearah kesejahteraan untuk semua (Gill et al., 2012).

Bagi pandangan sarjana antarabangsa mengenai definisi perpaduan negara, ia bergantung kepada visi dan ideologi yang dianuti oleh mereka. Menurut Niccolo Machiavelli, perpaduan negara adalah kepatuhan orang

yang diperintah (*the governed*) kepada seorang pemimpin yang takut kepada impak perpaduan; iaitu ia mampu mencetuskan kekecohan oleh orang yang diperintah (*the governed*) dan kemungkinan berlakunya anarki. Jean Rousseau pula menyatakan perpaduan negara adalah satu kontrak sosial antara rakyat dan sistem politik yang ada; bermaksud semua rakyat boleh disatukan oleh sebuah perpaduan negara yang mantap, satu perkongsian kebertanggungjawaban, yang mana rakyat patuh kepada kerajaan. Bagi Joseph Stalin yang membawa pendapatnya dalam konteks komunisme, perpaduan negara adalah penglibatan orang ramai dalam aspek bahasa, negara dan sosio ekonomi, yang diterjemahkan dalam bentuk yang menggambarkan kebudayaan negara. Bagi sarjana-sarjana kontemporari Islam pula, seperti Salim al-Awa menyatakan perpaduan negara bermaksud satu usaha pelaksanaan semangat yang sepatutnya digunapakai dalam sebuah negara yang mengamalkan kepelbagaian agama untuk rakyatnya, dalam bentuk toleransi, kasih sayang dan saling mengambil berat; yang akhirnya ditunjukkan oleh semua pengikut sesuatu agama terhadap kepercayaan, agama dan amalan yang lain. Abdullah al-Mubarak pula memberi pandangan bahawa perpaduan negara adalah perpaduan satu kumpulan orang dalam agama, ekonomi, masyarakat dan sejarah di dalam satu tempat, dibawah satu bentuk pemerintahan yang disatukan (Touhami Meftah et. al, 2012).

Daripada pernyataan definisi-definisi diatas, perpaduan negara boleh disimpulkan sebagai satu ikatan antara keseluruhan rakyat di dalam sesebuah negara, meskipun wujudnya kepelbagaian agama dan bangsa, mereka bersetuju untuk mencapai kepentingan bersama, iaitu hidup bersama dalam keadaan aman dan hormat menghormati satu sama lain.

3. Langkah Perpaduan Sunnah Nabawiyyah

Pengkaji mendapati beberapa langkah utama yang telah dibangunkan oleh Rasulullah SAW dalam membina perpaduan negara, termasuklah tiga langkah masyhur iaitu mempersaudarakan para sahabat RA, membina Masjid Nabawi dan memeterai piagam Madinah. Langkah-langkah itu termasuklah:

3.1 Tauhid Asas Perpaduan Manusia

Dalam membincangkan mengenai perpaduan sesebuah negara, perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah pengisian dan pembinaan jiwa seseorang individu di dalam masyarakat itu. Individu merupakan binaan asas bagi sesebuah keluarga, masyarakat dan negara. Begitulah usaha Rasulullah SAW dalam membina jati diri dan jiwa para Sahabat RA pada ketika itu dengan menekankan hubungan keimanan kepada Allah SWT dan kepercayaan kepada hari akhirat. Begitu juga pendekatan Rasulullah SAW dalam menghormati kepercayaan dan pegangan agama masyarakat bukan-Islam.

3.1.1 Tauhid Teras Penyatuan Ummah

Rasulullah SAW terlebih dahulu menanamkan di dalam jiwa para Sahabat RA akan konsep tauhid kepada Allah SWT yang mendasari pembinaan akidah, sekaligus memantapkan Islam sebagai *al-Dīn*. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menggesa Rasulullah SAW dan umat Islam supaya bersatu padu dan jangan berpecah belah dalam urusan tauhid dan agama, sepertimana arahan yang sama yang diwahyukan kepada rasul-rasul sebelum Rasulullah SAW, iaitu Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS dan Nabi ‘Isa AS. Firman Allah SWT:

﴿شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ﴾^{١٣}

Maksudnya: “Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nūḥ dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrāhīm dan Nabi Mūsa serta Nabi ‘Isa, iaitu: Tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya. Berat bagi orang-orang

musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu dan memberi hidayat petunjuk kepada agamaNya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadaNya (dengan taat).”

(Al-Syūra: 13)

Al-Qurtubī (2006) dalam menjelaskan ayat diatas telah menegaskan bahawa usaha mendirikan *al-Dīn* iaitu menjadikannya kuat, terjaga, dinamik dan stabil. Oleh sebab itu, umat Islam perlu bersatu padu dan tidak boleh berpecah belah dalam urusan tauhid dan *al-Dīn*. Ibn Kathīr (2002) pula mensyarahkan bahawa wasiat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para rasul, termasuklah Rasulullah SAW adalah untuk sentiasa bersatu padu dan berjemaah, dan mencegah umat mereka dari berpuak-puak dan berpecah belah.

Penekanan kepada pembinaan tauhid dan akidah didalam diri manusia merupakan tindakan pertama Rasulullah SAW dalam membentuk umat Islam pada ketika itu. Ia selaras dengan intipati proses *Da'wah bi al-Sirr* Rasulullah SAW setelah turunnya wahyu kedua iaitu surah al-Muddathir ayat satu hingga tujuh. Al-Mubārakāfūrī (2019) menyimpulkan bahawa perintah tersebut telah menjadi intipati kepada proses dakwah Rasulullah SAW, iaitu;

1. Mengesakan Allah SWT,
2. Mengimani hari akhirat,
3. Membersihkan diri dengan meninggalkan perbuatan mungkar yang boleh mengakibatkan balasan buruk, dan berusaha mencapai kesempurnaan dengan melakukan perbuatan makruf,
4. Menyerahkan segala tindakan kepada Allah SWT,
5. Kesemua yang berlaku ini adalah setelah terzahirnya keimanan terhadap risalah *Tauhid* dibawah pimpinan dan arahan oleh Rasulullah SAW.

3.1.2 Tauhid Antara Toleransi Agama Dan Toleransi Beragama

Allah SWT telah menyatakan di dalam al-Quran bahawa kepelbagaian manusia itu merupakan salah satu daripada kebijaksanaan dan kekuasaanNya. Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَلَوْنِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”

(Al-Rūm: 22)

Berdasarkan ayat diatas, jika dilihat dari aspek tauhid orang yang beriman, kepelbagaian manusia yang melahirkan kepelbagaian agama ini bukanlah satu perkara yang kontroversi dan boleh merosakkan jati diri seseorang. Hal ini kerana, kepelbagaian manusia itu sendiri telah diperakui oleh Allah SWT sebagai salah satu kekuasaanNya dan sudah menjadi kepastian bahawa ia bukanlah masalah bagi mereka yang beriman, kerana ia merupakan hakikat penciptaan atau *Sunnatullah* akan mahlukNya.

Oleh sebab itu, perbincangan ini tidak akan lari daripada membincangkan konsep ‘toleransi dengan agama-agama’ dengan ‘toleransi beragama’. Menurut Awang (2003), dalam mana-mana kerangka asas agama, tidak ada konsep toleransi dengan agama-agama lain, tetapi di dalam beragama harus ada toleransi. Hal ini bermaksud, setiap agama itu mempunyai sifat yang khusus yang mengandungi kepercayaan dan keyakinan tertentu serta tidak boleh bercampur aduk dengan kepercayaan agama lain. Hal ini jelas dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran;

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٣﴾
 وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ
 دِينِ ﴿٦﴾

Maksudnya: “1. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir! 2. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. 3. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. 4. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. 5. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. 6. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.”

(Al-Kāfirūn: 1-6)

Al-Qurtubī (2006) menuliskan kata-kata Abū Bakar al-Anbārī yang memberi penerangan iaitu: “katakan kepada orang-orang kafir itu, aku tidak akan menyembah Tuhan kamu”. Ibn Kathīr (2002) memberi penerangan mengenai surah ini bahawa Allah SWT telah memerintahkan Rasulullah SAW untuk melepaskan diri Baginda dari agama-agama yang lain secara keseluruhan. Tambah Ibn Kathīr, setiap manusia yang beribadah akan memiliki sembah dan ibadah mereka sendiri. Rasulullah SAW dan pengikutnya sentiasa beribadah kepada Allah SWT sepertimana yang telah disyariatkan berdasarkan kalimat “tiada yang berhak disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad SAW sebagai rasulNya.”, sedangkan orang musyrik beribadah dengan ibadah yang tidak diizinkan oleh Allah SWT.

Walaupun bagaimanapun, disebabkan manusia itu hidup terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan, maka setiap penganut agama itu mesti bertoleransi untuk hidup bersama penganut agama lain. Konsep itu dinamakan sebagai beragama, iaitu penganut agama diajar oleh agama masing-masing agar menghormati pegangan dan kepercayaan orang lain. Di dalam perbincangan ini, al-Quran dan sunnah Nabawiyah banyak menggariskan keperluan kepada toleransi beragama, termasuklah hadis Rasulullah SAW:

اٰخْرُجُوْا بِسْمِ اللّٰهِ تُقَاتِلُوْنَ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ مِنْ كَفَرٍ بِاللّٰهِ، لَا تَعْدِرُوْا، وَلَا تَعْلُوْا، وَلَا تُمْتَلُوْا، وَلَا
 تَقْتُلُوْا الْوَلِدَانَ، وَلَا اَصْحَابَ الصَّوْمَعِ

Maksudnya: “Berangkatlah dengan nama Allah, berperanglah di jalan Allah terhadap orang-orang yang kufur kepada Allah, jangan melampaui batas, jangan berkhianat, jangan mencincang dan jangan membunuh anak-anak serta biarawan gereja (iaitu; orang-orang yang sedang beribadah)”

(Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Musnad Banī Ḥaṣīm, Musnad ‘Abdullah bin al-Abbās, No Hadis 2728. Martabat hadis ini adalah Ḥasan li Ghairihi).

Pengalaman Madinah menunjukkan bahawa kepelbagaian agama seharusnya menjadi medium penyatuan berbanding menjadi medium perpecahan. Komposisi agama dan kaum di Madinah pada zaman Rasulullah SAW adalah terdiri daripada pelbagai agama dan pegangan. Kaum Yahudi menganut agama Yahudi, kaum Arab dengan animisme, manakala sebahagiannya menganut agama Nasrani dan Islam. Sungguhpun begitu, keadaan ini tidak menghalang mereka bersatu padu dibawah perlembagaan yang berteraskan wahyu dan juga Piagam Madinah, bahkan ditetapkan dalam perlembagaan tersebut akan pemeliharaan hak-hak agama masing-masing.

Pendekatan yang dilaksana oleh Rasulullah SAW dalam melaksana amalan bertoleransi beragama telah menjadikan masyarakat Madinah pada ketika itu boleh hidup dengan harmoni, walaupun wujudnya perbezaan agama, kepercayaan dan bangsa. Hal ini kerana, Rasulullah SAW tidak pernah memeriksa satu persatu tradisi, resam serta tatacara hidup kaum-kaum yang baru memeluk Islam, tetapi cukup dengan meminta mereka mengucap dua kalimah syahadah dan seterusnya mengikut apa yang digariskan dalam al-Quran dan

Sunnah. Dari itu, tidak boleh untuk mengatakan bahawa kedatangan Islam membatalkan segala kebudayaan dan tamadun lama serta segala tradisi sesuatu bangsa atau kaum itu. Bahkan, dengan kedatangan Islam dalam masyarakat, Islam telah meletakkan prinsip yang jelas antara halal dan haram atau antara dibolehkan dengan tidak dibolehkan (Ahmad & Mohd Rokhbi, 2021).

3.2 Pendidikan

Dalam pembinaan sesebuah negara dan tamadun, pendidikan merupakan salah satu cabang yang paling penting dan wajib dititikberatkan. Hanya dengan pendidikan, sesebuah negara mahupun tamadun dapat didirikan dengan asas yang betul dan menepati nilai sesebuah negara. Sirah Rasulullah SAW menunjukkan Rasulullah SAW sangat menitikberatkan pendidikan yang berupaya membentuk potensi diri kepada peringkat yang terbaik, iaitu pendidikan yang berteraskan pengabdian diri manusia kepada Allah SWT dan pembuktian sifat-sifat yang terpuji. Menurut Ayub (1994), tiga kerangka pendidikan pada zaman Rasulullah SAW adalah;

1. Asas Tauhid

Dengan misi mentauhidkan Allah SWT yang dibawa oleh Rasulullah SAW, iaitu membebaskan manusia daripada menghambakan diri kepada manusia dan kepada makhluk lain tetapi dengan penuh rela menghambakan diri mereka secara hakiki kepada *al-Khāliq* (Pencipta) mereka, iaitu Allah SWT yang bersifat Maha Melihat dan Maha Mengetahui. Selain itu, tauhid juga berperanan untuk menafikan segala kefahaman dan perbuatan menduakan atau menyekutukan Allah SWT.

2. Kepercayaan Kepada Hari Akhirat

Konsep dan kepercayaan hari akhirat adalah merupakan unsur penting yang bergandingan dengan unsur tauhid. Ia memberikan implikasi yang besar kepada kehidupan individu. Manusia akan sedar bahawa Allah telah menetapkan jangka masa tertentu sebagai ujian untuk setiap manusia di atas muka bumi ini. Dengan konsep ini juga, akan mengingatkan manusia akan dibangkitkan semula dengan roh dan jasad, dan akan dihadapkan kehadapan Allah SWT untuk menerima balasan seadil-adilnya.

3. Asas Akhlak

Antara tujuan utama pengutusan Rasulullah SAW adalah untuk memperbetulkan akhlak, dan ia juga menunjukkan tujuan utama pendidikan itu dilaksanakan. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: "Sesungguhnya aku telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak."

(Al-Bukhārī, *Adab al-Mufrad*, Bab Ḥusn al-Khulq, No Hadis 207. Martabat hadis ini adalah Ṣaḥīḥ).

Baginda SAW memulakan penerapan pendidikan bertunjangkan tauhid secara *Da'wah bi al-Sirr*, iaitu dakwah secara rahsia. Sasaran Baginda adalah ahli-ahli keluarga dan sahabat-sahabat rapat Baginda, terutamanya kepada orang yang mempunyai rasional akal yang baik (Al-Sibā'ie, 2017). Hasilnya, lahirlah golongan awal yang menerima dakwah ketauhidan, dan mereka digelar sebagai *al-Sābiqūn al-Awwalūn* yang berjumlah sekitar 30 orang. Institusi pendidikan yang dipilih Baginda adalah rumah salah seorang sahabat, iaitu al-Arqām bin Abī al-Arqām al-Makhzūmī RA yang terletak di Bukit Ṣofa. Rumah sahabat tersebut yang terpencil dan agak jauh dari pandangan Musyrikin Mekah menjadi faktor Rasulullah SAW memilihnya sebagai institusi pendidikan (Al-Mubārakāfūrī, 2019). Konsep pendidikan sebegini diteruskan sehinggalah turunnya ayat Allah SWT yang menggesa Rasulullah SAW melakukan *Da'wah bi al-Jahr*, iaitu dakwah secara terang-terangan.

Konsep pendidikan di dalam Islam terus diperbincangkan oleh para ulama dan sarjana Islam sehingga hari ini. Antara sarjana yang paling masyhur di dalam perbincangan Pendidikan Islam adalah Imam al-Ghazālī. Al-Ghazālī pernah menyatakan bahawa pendidikan berkait rapat dengan konsepnya tentang manusia. Hal ini adalah kerana, masalah yang terjadi dalam kalangan manusia adalah masalah pendidikan, dan begitu juga sebaliknya. Oleh sebab itu, masalah perpaduan di dalam komuniti mahupun negara adalah berakarakan daripada konsep dan falsafah pendidikan negara tersebut. Dengan ini, jelas bahawa pendidikan merupakan satu kunci penting bagi manusia untuk mencari penyelesaian dari masalah-masalah mereka. Al-Ghazālī menggariskan salah satu keberkesanan satu sistem pendidikan adalah dengan meneladani dan mengikut sunnah Rasulullah SAW yang bertindak sebagai *qudwatun ḥasanah*, iaitu ikutan terbaik kepada umat manusia (Taharuddin et. al 2019).

3.3 Pemimpin Yang Adil

Keadilan menurut Islam merangkumi skop yang holistik, tidak hanya konsep hak kepada masyarakat atau rakyat, bahkan yang lebih penting lagi, ia perlu bermula dari diri pemimpin itu sendiri. Rasjid (1981) menyatakan adil bererti menjalankan segala kewajiban dan menjauhi segala larangan serta dapat menjaga kehormatan dirinya. Pendapat ini senada dengan Awang (2019) yang menyatakan pemimpin mestilah berlaku adil, memelihara diri sendiri daripada dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah walaupun tidak berdosa. Keadilan sebagaimana yang didefinisikan oleh para fuqaha dan mufassirin adalah usaha pelaksanaan hukum Allah SWT, manusia menghukum sesuai dengan syariat agama sebagaimana diwahyukan Allah kepada para nabi dan rasulNya (Al-Mubarak, 2018). Keadilan juga difahami sebagai meletakkan sesuatu pada tempat yang benar dan wajar.

Sifat adil Rasulullah SAW dapat dilihat pada banyak tempat di dalam Sirah Nabawiyah, terutamanya apabila Baginda mengisytiharkan tiada sifat pilih kasih ketika menjalankan hukuman, terutamanya hukuman Allah SWT walaupun ke atas puteri Baginda, iaitu Fāṭimah RA. Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا ضَلَّ مَنْ قَبْلَكُمْ، أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ الضَّعِيفُ فِيهِمْ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَإِيمُ اللَّهِ، لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، سَرَقَتْ لَقَطَعَتْ مُحَمَّدٌ يَدَهَا

Maksudnya: “Wahai manusia, sesungguhnya yang membinasakan orang-orang sebelum kalian adalah jika ada orang yang mulia (memiliki kedudukan) di antara mereka yang mencuri, maka mereka dibiarkan (tidak dihukum), namun jika yang mencuri adalah orang yang lemah (rakyat biasa), maka mereka menegakkan hukum atas orang tersebut. Demi Allah, sungguh jika Fāṭimah binti Muhammad mencuri, aku sendiri yang akan memotong tangannya.”
(Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab al-Ḥudūd, No Hadis 6788. Martabat hadis ini adalah Ṣaḥīḥ).

Al-Ghazālī (1988) menyatakan kekuatan ummah (samada umat Islam mahupun sebuah negara) boleh dicapai menerusi kepimpinan yang adil, yang bertunjangkan agama Islam. Beliau telah menggariskan sepuluh dasar untuk menjadi pemimpin yang adil dan baik, Antaranya dasar-dasar yang menuntut kepada keadilan pemimpin termasuklah memahami manfaat dan bahayanya ‘kuasa’, tidak menerima sebarang bentuk kezaliman, tidak merendah atau meremehkan keperluan rakyat, hidup bersederhana dan lain-lain.

3.4 Sistem Perwakilan Masyarakat

Antara perkara yang melancarkan pergerakan kepimpinan Rasulullah SAW dan memudahkan pembentukan perpaduan umat Islam dan Negara Madinah adalah dengan mengadakan rundingan dengan wakil-wakil kaum dan agama bagi sesuatu masyarakat. Rasulullah SAW telah menggunakan sistem perwakilan untuk membina asas pengetahuan masyarakat Madinah, iaitu asas ilmu al-Quran dan tauhid, yang berlaku sekitar pra-Hijrah Baginda, sekaligus membentuk jati diri para sahabat RA dan masyarakat Madinah. Hal ini dapat dilihat melalui peranan wakil-wakil kaum di dalam Perjanjian ‘Aqabah Pertama dan Kedua. Perjanjian ‘Aqabah Pertama telah berlaku pada tahun 621 Masihi dan melibatkan 12 orang wakil kaum Aus dan Khazraj. Perincian Perjanjian ‘Aqabah Pertama adalah menjurus kepada aspek tauhid yang bersih dan meninggalkan sifat-sifat *madzmūmah*, seperti larangan mencuri, membunuh anak, berzina dan khianat kepada baiah. Al-Buṭī (2018) menyatakan Perjanjian ‘Aqabah pertama telah menunjukkan intipati tauhid dan keimanan kepada Rasulullah SAW merupakan kunci dan langkah pertama kepada pembentukan masyarakat Islam, melaksanakan sistem-sistem Islam dan beriman kepada kekuasaan Tuhan dalam semua aspek, serta menafikan dakwah Nabi hanya sekadar mengucapkan kalimah syahadah, namun perbuatan munkar dibiarkan berleluasa.

Rentetan peristiwa baiah ini telah membawa kepada pengutusan *Muqri' al-Madīmah* Muṣ'ab bin Umair RA, selaku wakil Rasulullah SAW kepada masyarakat Madinah untuk menerangkan ayat-ayat al-Quran dan hukum tauhid. Tindakan ini secara tidak langsung, telah memberi kesan signifikan yang besar kepada pembinaan asas *Tauhidīyyah* dan *Qur'ānīyyah* dalam masyarakat Madinah. Keadaan telah menyaksikan perkembangan Islam secara meluas di Madinah (al-Sibā'ie, 2017).

Manakala Perjanjian '*Aqabah* Kedua pula telah memperuntukkan beberapa intipati yang lebih bersifat teknikal dan persediaan Rasulullah SAW untuk berhijrah ke Madinah, seperti sentiasa berinfaq, *al-Amar al-Ma'rūf* dan *an-Nahy al-Munkar*, dan berbaiah untuk mempertahankan Rasulullah SAW. Perjanjian '*Aqabah* Kedua juga melihat pelantikan 12 orang Naqib dari rombongan Anṣar yang diberi tanggungjawab untuk merealisasikan agenda baiah tersebut (Al-Mubārakāfurī, 2019). Al-Ghazālī (2019) menyatakan kesan Perjanjian '*Aqabah* Kedua telah menyaksikan dasar iman dan kebenaran telah membentuk satu ikatan yang menghubungkan tali kasih sayang antara orang-orang yang beriman, sehinggakan orang Islam di Madinah yang belum pernah melihat saudara-saudara mereka yang ditindas, mereka akan mengasihi bahkan sanggup berperang bagi mempertahankan saudara-saudara mereka saudara-saudara mereka. Pelantikan 12 orang Naqib itu juga disifatkan oleh Rasulullah SAW seperti peranan 12 orang *al-Ḥawāriyyūn* kepada Nabi 'Isā AS, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

أَنْتُمْ عَلَيَّ قَوْمٌ كَمَا فِيهِمْ كَفَلَاءُ، ككفالة الحواريين لعيسى بن مريم، وَأَنَا كَفِيلٌ عَلَيَّ قَوْمِي

Maksudnya: “kamu semua adalah penjamin seperti mana golongan al-Ḥawāriyyūn adalah penjamin kepada Isa bin Mariam dan aku adalah penjamin kepada umat ku.”

(Abū Bakar bin Abī Syaibah, *Muṣannaf Ibn Abī Syaibah*, Kitāb al-Maghāzi, Mā Jā'a fi Lail al-'Aqabah, No Hadis 37101. Martabat hadis ini menurut al-Albānī adalah ḍa'if).

Perkara ini telah dibincangkan oleh beberapa sarjana Barat yang memperincikan keberkesanan sistem perwakilan dalam menguruskan masyarakat. Thomas Hobes mengatakan bahawa perjanjian masyarakat perlu dilakukan oleh individu-individu yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang bersifat politik ataupun negara. John Locke pula menyatakan kesepakatan individu-individu merupakan satu bentuk perwakilan dari keseluruhan masyarakat yang tidak terlibat, walaupun mereka mempunyai hak dan tanggungjawab (Friend, 2004).

3.5 Mempersaudarakan Sahabat

Antara tindakan yang paling masyhur dan masih diperbincangkan sehingga ke hari ini adalah apabila Rasulullah SAW bertindak mempersaudarakan para sahabat RA, iaitu dari kalangan Muhajirin dan Ansar. Menurut Al-Rāwī (1969), sebelum berlakunya proses *al-Muākhāt*, bangsa arab mengiktiraf perhubungan di antara mereka hubungan darah keturunan. Mereka juga menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam kalangan mereka berasaskan keturunan atau suku puak. Setiap anggota masyarakat dibesarkan melalui sistem kesukuan dan kabilah. Oleh sebab itu, umat Islam merupakan sebuah jemaah yang dibina atas dasar ikatan akidah, merentasi hubungan darah, keturunan mahupun kabilah. Ikatan *al-Muākhāt* juga disebut telah mempercepatkan penerimaan Islam dalam kalangan suku-suku kaum bagi kedua-dua pihak yang bersaudara.

Al-Būṭī (2018) menyatakan proses *al-Muākhāt* bukan semata-mata lambang dan ucapan-ucapan kosong sahaja, namun matlamatnya hakikinya adalah untuk menunjukkan betapa kuat hubungannya dengan realiti hidup, serta korelasinya dengan usaha pembinaan masyarakat yang bersatu padu dan untuk kebaikan negara Madinah. Bagi Haeqal (1995) tindakan Rasulullah SAW ini merupakan tindakan politik yang tepat dan berpandangan jauh, kerana *al-Muākhāt* berjaya menghalang golongan munafik dari menghasut, meresap masuk dan membuat kerosakan dalam kalangan Muslimin, serta menafikan usaha mereka untuk mengheret para sahabat RA sekali lagi ke kancah peperangan yang tidak diingini, sepertimana yang terjadi kepada golongan Aus dan Khazraj sebelum keislaman mereka.

3.6 Peranan Masjid Nabawi



Sejurus selepas tibanya Rasulullah SAW ke Madinah, infrastruktur pertama yang menjadi fokus Rasulullah SAW adalah membina masjid, yang dikenali sebagai Masjid al-Nabawī sehingga ke hari ini. Al-Ghazālī (2019) menyatakan Rasulullah SAW menyegerakan pembinaan masjid di Madinah adalah bertujuan untuk menonjolkan syiar-syiar Islam yang telah lama diperangi sebelum ini, solat yang didirikan dapat menghubungkan seseorang hamba dengan Allah SWT serta menyucikan hati daripada kotoran dunia, dapat ditunaikan di masjid. Al-Būṭī (2018) pula membincangkan aspek perpaduan umat Islam zaman Rasulullah SAW yang dibentuk dengan didasari peranan masjid, iaitu untuk memperluas roh persaudaraan dan ikatan mahabbah sesama Islam. Perkara ini tidak akan tercapai melainkan ia bermula di dalam masjid dan untuk menyebarkan semangat persamaan dan keadilan dalam kalangan umat Islam di segenap lapisan kehidupan dan aspek.

3.7 *Piagam Madinah*

Antara tindakan pantas dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk mengikat masyarakat Madinah adalah dengan memeterai perjanjian Piagam Madinah ataupun dikenali sebagai *Ṣaḥīfah al-Madīnah*. Piagam Madinah telah menelusuri sejarah dunia dengan dilabel sebagai Perlembagaan Negara yang pertama di dunia bagi sebuah negara yang berdaulat yang digubal oleh Rasulullah SAW (Muhammad al-Ghazālī, 2019).

Prinsip-prinsip am kepada tunjang *Ṣaḥīfah al-Madīnah* telah dibincangkan ramai sarjana Islam termasuklah Al-Būṭī (2018) menyatakan prinsip-prinsip *Ṣaḥīfah al-Madīnah* adalah dengan menitikberatkan perpaduan ummah muslimin, disamping menekankan peranan, hak dan solidariti sesama umat Islam yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Al-Ghazālī (2019) menggambarkan dengan jelas keinginan orang Islam untuk mengadakan kerjasama dengan bukan-Muslim Madinah, terutamanya demi menjamin ketenteraman masyarakat dan menjaga keselamatan negara dari diserang. Ahmad Ibrahim menyatakan ia bertindak sebagai Perlembagaan Persekutuan bagi negara Madinah, menekankan perpaduan dan penyatuan ummah, Kontrak Sosial bersama dengan golongan bukan-Muslim, jaminan kepada hak asasi manusia, iaitu kebebasan beragama kepada penganut-penganut agama di dalam Madinah (Ibrahim & El-Qasimy, 1985).

3.8 *Perundingan dan Diplomasi*

Antara perkara yang menjamin perpaduan negara adalah kestabilan dan keselamatan negara. Sebuah negara yang stabil dan selamat adalah negara yang sentiasa menggalakkan usaha perundingan dan diplomasi, samada diperingkat nasional mahupun antarabangsa, sekaligus berusaha untuk mencapai satu titik temu dalam menyelesaikan ketidaksefahaman. Menurut Kamus Dewan, perundingan adalah satu hal yang memerlukan kepada perhitungan, perkiraan dan pertimbangan yang bersungguh-sungguh lagi mendalam tentang sesuatu hal. Perundingan juga boleh dimaksudkan sebagai usaha membantu ke arah membangunkan semangat persahabatan, persefahaman dan juga hubungan antarabangsa. Menurut Mohammed Abu-Nimer, perundingan di dalam Islam adalah sebahagian daripada proses pembuatan keputusan dan merupakan sesi hujah yang mendalam antara Muslim dan juga bukan Muslim dalam menyelesaikan konflik (Abdul Rahim et. al, 2012).

Bagi maksud diplomasi pula menurut Kamus Dewan membawa dua maksud. Maksud pertama dinyatakan dalam konteks perhubungan antarabangsa, iaitu kecekapan mengurus perhubungan rasmi antara satu negara dengan negara yang lain. Maksud kedua pula, diplomasi dimaksudkan dengan perkaitan mengenai hubungan antara seorang manusia dengan manusia yang lain, iaitu sebuah cara halus untuk mempengaruhi seseorang dan dinyatakan (proses diplomasi) dengan sifat berhati-hati. Bagi Afzal Iqbal diplomasi boleh dimaksudkan sebagai saranan untuk mencapai tujuan dan sesuatu yang bersih serta jujur. Tambahan lagi, diplomasi selalunya mencari jalan persetujuan tetapi mencapai persefahaman kedamaian adalah lebih diutamakan (Abdul Rahim et. al, 2012).

Di dalam al-Quran, Allah SWT telah menggalakkan Rasulullah SAW dan umat Islam untuk melakukan lebih banyak usaha perundingan dan diplomasi dengan semua pihak, supaya usaha membentuk keamanan itu dapat dibela. Firman Allah SWT:

وَإِنْ جَاحُوا لِلْسَّلَامِ فَأَجْزَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(Al-Anfāl: 61)

Antara bukti kejayaan perundingan dan diplomasi dalam negara yang diimplemantasikan oleh Rasulullah SAW adalah permeteraian *Ṣaḥīfah al-Madīnah*, yang menyaksikan kesemua elemen masyarakat boleh hidup secara bersama, mencapai matlamat hidup bermasyarakat, dan menolak sebarang kerosakan kepada negara. *Ṣaḥīfah al-Madīnah* juga merupakan bukti bahawa Islam mengajak kepada keamanan dan menghormati agama-agama dan pegangan hidup orang lain.

Selain itu, salah satu bukti toleransi paling hebat dalam perundingan dan diplomasi yang diamalkan oleh Rasulullah SAW adalah ketika berlakunya Perjanjian *Hudaibiyah*. Apabila berlakunya Perjanjian *Hudaibiyah*, terdapat isi-isi perjanjian itu tidak berpihak kepada umat Islam, seperti larangan untuk menunaikan umrah pada tahun tersebut, sebaliknya perlu dilakukan pada tahun hadapan. Sedangkan kerinduan dan persediaan Umat Islam adalah pada tahap yang tertinggi. Keadaan ini amat mendukacitakan sahabat-sahabat RA. Namun, atas dasar wahyu dan toleransi yang dimiliki Rasulullah SAW, Perjanjian *Hudaibiyah* wajib dihormati. Natijah yang paling besar adalah berlaku pada tahun berikutnya, iaitu umat Islam bukan sahaja berjaya menunaikan umrah di *Bait Allah al-Ḥarām*, bahkan mereka telah berjaya membuka dan membebaskan kota Mekah dari segala anasir berhala dan kesyirikan, serta menjadikan seluruh penduduk Mekah menganut agama Islam. Berikut merupakan kejayaan yang paling besar hasil daripada perjanjian *Hudaibiyah* tersebut. Peristiwa itu dinamakan peristiwa *Fatḥ al-Mekah*.

3.9 Menjamin Ekonomi Dan Bekalan Makanan

Salah satu aspek penting dalam menjamin kestabilan dan perpaduan yang perlu diambil serius oleh para pemerintah adalah menjamin perkembangan ekonomi yang baik dan bekalan makanan. Rasulullah SAW tidak diutuskan menjadi pemimpin bagi masyarakat Madinah dengan hanya memfokuskan kepada aspek penanaman unsur tauhid yang tulus dan pembinaan akhlak sahaja, namun kedatangan Rasulullah SAW telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang baik dalam kalangan masyarakat Madinah. Namun pada permulaan hijrah Nabi, ekonomi masyarakat Madinah adalah tidak baik dan kebanyakan sektor dikuasai oleh orang Yahudi.

Menyedari keadaan ini, Rasulullah SAW telah mula menerapkan unsur Islam kedalam sistem ekonomi sedia ada di Madinah. Baginda SAW telah membuka sebuah pasar raya yang bebas monopoli kaum Yahudi yang penuh dengan unsur monopoli. Menurut Al-Karami (2007), pasar yang baru untuk umat Islam bagi tujuan memasarkan barangan perniagaan dan hasil pembuatan tangan adalah untuk memecahkan pasaran monopoli kaum Yahudi. Rasulullah SAW juga menggalakkan perniagaan dan perusahaan pembuatan, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبَّادَةَ بْنِ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟ قَالَ:
 كَسْبُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ

Maksudnya: “Daripada Abāyah bin Rāfi’ bin Khadīj RA, daripada ayahnya: dikatakan: “Wahai Rasulullah: Mana satukah pekerjaan yang paling baik? Baginda bersabda: “Pekerjaan seseorang dengan tangannya dan setiap jual beli yang baik.”

(Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, Musnad al-Syāmiyyīn, Hadis Rāfi’ bin Khadīj, No Hadis 17265. Martabat hadis ini menurut Syu’aib al-Arnaūṭ adalah Ḥasan li Ghairihi).

Jaminan bekalan makanan kepada masyarakat merupakan faktor kepada pembentukan kestabilan dan perpaduan negara. Maka, antara tindakan Kerajaan pimpinan Rasulullah SAW telah memperuntukkan kawasan-kawasan

tertentu untuk dijadikan padang rumput yang dikenali sebagai *al-Hima*. Para ulama' menyebut, tindakan sedemikian diambil kerana orang ramai lebih memerlukan susu haiwan ternakan yang hanya terhasil daripada makanan yang mencukupi. Sistem *al-Hima* secara tidak langsung memberi sumbangan dalam meningkatkan ekonomi penduduk dari sudut memenuhi keperluan makanan (Abu Bakar, 2018).

3.10 Tindakan Tegas Terhadap Pemecahbelah Perpaduan

Perpaduan negara boleh terancam, jika terdapat individu-individu ataupun kumpulan-kumpulan yang cuba untuk merosakkan matlamat perpaduan di dalam sesebuah negara. Hal ini kerana, mereka ini sering didorong dengan cubaan untuk mencapai matlamat mereka sendiri, tanpa memikirkan toleransi dan sensitiviti kehidupan bermasyarakat, serta menolak usaha tolak ansur yang sepatutnya dipraktikkan kepada semua pihak.

Rasulullah SAW sangat mengambil berat soal perpaduan dan pembinaan negara. Antara perkara yang mampu menjamin kelestarian perpaduan adalah dengan memperkukuh keselamatan negara. Hal ini dibuktikan melalui beberapa intipati aspek keselamatan dalam negeri dan pertahanan yang digariskan di dalam Piagam Madinah, seperti yang terdapat di dalam Fasal 13, Fasal 15, Fasal 18, Fasal 37, Fasal 38 dan yang paling utama adalah Fasal 44 Piagam Madinah. Fasal-fasal ini membincangkan bahawa semua orang yang berada di Madinah adalah dilindungi oleh Piagam Madinah selagi mana mereka patuh pada piagam tersebut, keperluan kepada perlindungan antara satu sama lain dan kewajipan mempertahankan negara dari serangan luar.

Walaubagaimanapun, terdapat juga krisis yang melanda Kerajaan Rasulullah SAW yang boleh merosakkan perpaduan dan pembinaan negara, terutamanya pengkhianatan dan pencabulan perjanjian yang telah dilakukan beberapa kabilah Yahudi di Madinah. Salah satu kabilah Yahudi, iaitu Bani Naḍir pula telah melakukan pengkhianatan dengan cubaan dan konspirasi untuk membunuh Rasulullah SAW. Di samping itu, Bani Quraizah telah berlaku khianat kepada Kerajaan Islam Madinah apabila mereka berpakat dengan kafir Quraisy Mekah. Selain itu, Bani Qainuqa' yang dilihat melakukan khianat apabila mereka mengganggu seorang wanita Muslim sehingga berlakunya pembunuhan dan pergaduhan besar di pasar. Akibat perbuatan-perbuatan tersebut, Rasulullah SAW telah mengambil tindakan tegas keatas perbuatan-perbuatan mereka untuk mengusir mereka, sehingga terjadinya beberapa edisi serangan yang dipimpin Rasulullah SAW, seperti *Ghazwah Bani Naḍir*, *Ghazwah Bani Quraizah* dan serangan ke atas Bani Qainuqa'.

4. Kesimpulan

Berdasarkan kepada penelitian terhadap sumber dan catatan sīrah, perpaduan negara al-Madinah al-Munawwarah yang dibina oleh Rasulullah SAW telah melalui pembentukan asas yang paling sempurna, iaitu berpandukan wahyu dan sunnah Rasulullah SAW. Fokus Rasulullah SAW untuk membina perpaduan dan kestabilan adalah bermula dengan kekuatan hati dan akal yang rasional dalam kalangan para sahabat dan penduduk Madinah, sekaligus menjayakan matlamat pembentukan negara yang bersifat *Baldatun Ṭayyibatun Wa Rabbun Gafūr*. Rasulullah SAW juga melihat pembentukan perpaduan negara tidak boleh hanya melibatkan orang Islam Muhājirīn dan Anṣār sahaja, bahkan ia mesti melibatkan semua pihak yang bukan-Muslim seperti orang berbangsa Yahudi dan orang berbangsa Arab yang mengamalkan kepercayaan Animisme.

Rujukan

- Abdul Rahim, N. R., Husna, N. H., & Sabri, S. (2012). Perundingan Asas Penyebaran Dakwah Islam: Analisis Kerangka Ke atas Perjanjian Zaman Rasulullah (s.a.w). *Jurnal GJAT* Jun 2012, Vol 2 Issue 1, 55. <http://www.gjat.my/gjat062012/gjat1420120201.pdf>
- Abu Bakar, A. I. (2018). Strategi Rasulullah SAW dalam Mengukuhkan Kestabilan Negara. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol. 14, No. 2, (2018), pp. 102-115. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5428>
- Ahmad, K., & Mohd Rokhibi, I. B. (2021). Amalan Budaya Di Malaysia Yang Dikaitkan Dengan Sunnah: Analisis Terhadap Aspek Pemakanan Dan Pengubatan. *Journal Hadis* June 2021, Vol 11 No 21, 701. <https://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/148/86>
- Awang, A. H. (2019). *Bicara Ini Demi Perpaduan*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn Bhd.



- Awang, R. (2003). *Islam Alternatif Perpaduan Sejagat*. Cetakan Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ayub, M. K. (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Cetakan Pertama. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Baharuddin, S. A. (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Al-Buṭī, S. R. (2018). *Fiqh al-Sīrah*. Cetakan 2018. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Friend, C. (2004). *Social Contract Theory*. <https://iep.utm.edu/soc-cont/>
- Al-Ghazālī, A. H. M. (1988). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Cetakan kedua. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Al-Ghazālī, M. (2019). *Fiqh Sīrah*. Cetakan 2019. Kundang Jaya: Pustaka Salam.
- Gill, S. S., Talib, A. T., & Jawan, A. J. (2012). Unity In Diversity: Malaysian Experience And Approach. Kertas kerja dibentangkan di *Conference: International Seminar on One ASEAN ONE Community: Political, Religious and Socio-Cultural Issues and Challenges*, Februari 2012, Nakon Si Thamarat, Thailand. https://www.researchgate.net/publication/279311356_UNITY_IN_DIVERSITY_MALAYSIAN_EXPERIENCE_AND_APPROACH
- Haeqal, H. (1995). *Sejarah Hidup Muhammad*. Cetakan Kelapan Belas. Jakarta: Litera Antarnusa.
- Ibrahim, A. & El-Qasimy, D. (1985). *Piagam Madinah Pandangan dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Gelanggang Kreatif.
- Ibn Kathīr, M. I. (2002). *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*. Giza: Muassasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Al-Karami, A. A. H. (2007). *Al-Idārah Fī 'Ahdī al-Rasūl SAW*. Cetakan Kedua. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Mubārakāfurī, Ş. (2019). *Raḥīq al-Makhtūm*. Cetakan keempat. Seri Kembangan: Cetakan Buku Putih Sdn Bhd.
- Al-Mubarak, F. (2018). Keadilan Dalam Perspektif Islam. *Jurnal ISTIGHNA*. Vol. 1, No 2, Juli 2018, 115-143. https://www.researchgate.net/publication/331705690_KAADILAN_DALAM_PERSPEKTIF_ISLAM
- Mohamed, W A. (2017). Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam: Kaedah Pembentukannya Dari Perspektif *Ta'āwun* dan *Taḥalluf Siyāsī*. Kertas kerja dibentangkan di *Conference on Social, Political, Governmental & Communication Sciences (ICSPGCS)* anjuran *Faculty of Social and Political Sciences* Universiti Muhammadiyah Jember, 3 & 4 April 2017, Jawa Timur, Indonesia. <http://jurnal.unmuhjember.ac.id/index.php/pslcf/article/view/927>
- Rasjid, S. (1981). *Fiqh Islam*. Cetakan Kelapan belas. Jakarta: Penerbit Attahiriyah.
- Al-Rawi, I. (1969). *Muḥāḍarāt fi Tārīkh al-'Arab Qabl al-Islām*. Bahgdad.
- Al-Sibā'ie, M. (2017). *Sirah Nabi Muhammad SAW Pengajaran dan Pedoman*. Cetakan Julai. Kundang Jaya: Pustaka Salam.
- Taharuddin, N. H., Soleh, N. A., Azmi, N. S., Mahyudin, F. H., Rosli, N. S., Adnan, N. & Nasiruddin, N (2019). *Mengenal Ketokohan Pemikiran Imam Al-Ghazali Mengenai Manusia*. Kertas kerja dibentangkan di *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*, 22 Oktober 2019, Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor. http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/067-PANTUMM2019_hartini.pdf
- Touhami Meftah, J. B., Zyoud, H. H. H., Sulaiman, I., Abdullah, M., Ahmad Shah, F., Mohd Yusoff, M. Y. Z., Abdul Razak, M., Deraman, F., Ahmad, K., Mohd Noor, M. M., Ariffin, S., Kasar, A. K., Amir, S., & Mohd Nor, M. R. (2012). National Unity and Development from Islamic Point of Views. *Middle-East Journal of Scientific Research* 12 (6): 767-773. [https://idosi.org/mejsr/mejsr12\(6\)12/3.pdf](https://idosi.org/mejsr/mejsr12(6)12/3.pdf)
- Al-Qurṭubī, M A. (2006). *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Muassasah al-Risalah.